

# MUFLIS

*DALAM PANDANGAN  
MAZHAB AL-SHAFTI:*

*Teori & Praktikal di Negara Brunei Darussalam*

**Azme Matali**

UNISSA Press  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Negara Brunei Darussalam  
1439H/2017M

**Penerbit:**  
UNISSA Press  
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu  
BE1310, Gadong  
Negara Brunei Darussalam  
Laman Web: [www.unissa.edu.bn](http://www.unissa.edu.bn)

© Azme Matali

Cetakan Pertama 2017

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

AZMI Metali

Mufliis dalam pandangan mazhab al-Shafi'i: teori dan praktikal di Negara Brunei Darussalam. -- Bandar Seri Begawan : UNISSA Press, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2017.

141p. 15.24 cm x 22.86 cm.

ISBN 978-99917-82-63-8 (Softcover)

1. Bankruptcy--Brunei Darussalam 2. Religious aspect--Islam  
I. Title

327.75 AZM (DDC 23)

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

**Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar & Dicetak Oleh:**  
Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd.  
Negara Brunei Darussalam

# KANDUNGAN

Kandungan	vii-x
Prakata	xi-xii
Penghargaan	xiii-xiv
Senarai Jadual	xv
Pendahuluan	xvii-xviii

## **BAB: 1**

### **Hutang Dan Muflis: Definisi Dan Pandangan Islam Menurut Mazhab Shafi'i** 1-21

Definisi Hutang	1
Definisi Muflis	3
Istilah-Istilah dalam pensabitan muflis	6
Pertama: Pelepasan ( <i>al-Ibra'</i> )	6
Kedua: Sekatan	10
Muflis Pandangan Islam menurut Mazhab Shafi'i	11
Pertama: Sekatan ke atas penghutang yang muflis	11
Kedua: Kesan Sekatan ke atas penghutang yang muflis	14
Ketiga: Beberapa perkara yang berbangkit dari sekatan ke atas penghutang yang muflis	16
Keempat: Penarikan larangan daripada orang yang diisytiharkan muflis	20

## **BAB 2:**

### **Sistem Perbankan Islam: Sejarah Penubuhan Dan Pelaksanaannya Di Brunei Darussalam** 23-44

Definisi Sistem Perbankan Islam dan Sejarah Penubuhannya	23
Definisi Institusi Kewangan	29
Struktur Sistem Kewangan Di Brunei Darussalam	30

Sejarah perkembangan Bank Perdagangan di Brunei Darussalam	30
Penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei (BIFC) dan Tujuannya	33
Sejarah Penubuhan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD)	34
Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah Negara Brunei Darussalam	35
Institusi-Institusi Kewangan Islam di Brunei Darussalam	38
Pertama: Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)	38
Kedua: Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)	41
Ketiga: Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) At-Tamwil Berhad	43
<b>BAB 3:</b>	
<b>Pembiayaan Perbankan Dan Kewangan Islam</b>	<b>45-105</b>
Pengenalan	45
Definisi Pembiayaan	46
Perbezaan Pinjaman dengan Pembiayaan dalam Islam	49
Perbezaan Pembiayaan Bank Islam dan Bank Konvensional	49
Latar Belakang Amalan Pembiayaan Kewangan Tanpa Riba	52
Pertama: Amalan Pembiayaan Kewangan di Zaman Jahiliyyah	52
Kedua: Amalan Pembiayaan Kewangan di lihat dari sudut Islam	54
Konsep-Konsep Pembiayaan dalam Perbankan dan Kewangan Islam	55

Pembiayaan Ekuiti	55
Pertama: <i>Al-Syarikah</i>	56
Kedua: <i>Al-Syarikah</i> yang berakhir dengan pemilikan ( <i>al-Musyarakah al-Muntahiyyah Bi-Tamlek</i> )	57
Ketiga: <i>Al-Mudarabah</i>	64
Pembiayaan Hutang	74
Pertama: <i>Bay al-Murabahah</i>	74
Kedua: <i>Bay Bithaman Ajil</i> (Jualan dengan harga bertangguh)	79
Ketiga: <i>Bay al-Salam</i> (Jual beli salam)	85
Keempat: <i>Bay al-Istisna'</i> (Tempahan)	88
Kelima: <i>Al-Ijarah</i> (Sewaan)	92
Keenam: <i>Al-Qard al-Hasan</i> (Pinjaman Kebajikan)	97
Kesimpulan	104

## **BAB 4:**

<b>Mufli: Faktor Masyarakat Berhutang Di Institusi-Institusi Kewangan Dan Langkah Menanganinya</b>	<b>107-129</b>
Produk-Produk Pinjaman Di Institusi-Institusi Kewangan di Brunei Darussalam	107
Masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan produk-produk pinjaman serta usaha-usaha mengatasinya	111
Faktor utama membuat perkhidmatan pinjaman di institusi-institusi kewangan	113
Punca-punca mufli	116
Pertama: Melewat-lewatkan bayaran hutang	116
Kedua: Tidak bertanggungjawab terhadap hutang	117
Ketiga: Punca dari kawasan persekitaran.	118

Statistik Muflis di Mahkamah Brunei Darussalam dan Pelaksanaannya	119
Melepaskan diri daripada label muflis	125
Langkah-Langkah Menghadapi Cabaran Hutang Yang Menyebabkan Kemuflian	126
Pertama: Niat dan azam untuk membayar hutang	126
Kedua: Berhutang mengikut kemampuan	127
Ketiga: Membatasi kehendak hawa nafsu	127
Keempat: Menghindari dari pengaruh tarikan jualan dan hutang tanpa cagaran	128
Kelima: Perancangan kewangan yang teratur.	128
<b>Penutup</b>	131
<b>Bibliografi</b>	133

# PRAKATA

Saya bersyukur kehadiran Illahi atas limpah dan kurniaNya dapat menikmati kehidupan yang aman-damai di bumi bertuah Negara Brunei Darussalam yang masyarakat Islamnya berpegang teguh berlandaskan aliran *Ahli Sunnah Waljamaah* dan kukuh dalam pegangan Mazhab Shafi'i. Bermula dari pembacaan surat kabar tempatan percuma "Pelita Brunei" yang bertujuan bagi membudayakan masyarakat bermaklumat. Surat kabar ini diedarkan kepada seluruh masyarakat Brunei setiap minggu yang sememangnya mengandungi informasi terkini dalam pelbagai aktiviti harian dan ilmu yang bermanfaat. Antara halaman terakhir dalam surat kabar berkenaan memuatkan mengenai beberapa iklan-iklan tawaran jawatan kosong dan juga pemberitahuan serta peringatan "*Bankruptcy Notice*" bagi mereka yang diiklankan nama dan syarikat yang berkaitan. Kepekaan dalam pemantauan umur menjadikan penulis semakin terpenggil untuk menyelidik lebih terperinci kerana sebahagian nama tertera melibatkan dalam kalangan orang muda.

Bermula dari situlah penulis berkeinginan untuk menerbitkan sebuah buku bertujuan bagi mengetahui lebih mendalam lagi mengenai muflis dan yang berkaitan dengannya. Isu muflis ini tidak banyak diperkatakan oleh masyarakat setempat kecuali mereka yang sudah terlibat dengan permasalahan ini. Isu muflis ini berbangkit hanya bermula dari mereka yang berhutang dan tidak dapat menjelaskan hutang sehingga pemiutang menuntut hak melalui permohonan notis kebangkrapan kepada pihak mahkamah.

Justeru, buku ini diharap akan dapat memberi gambaran secara teori mengikut amalan pegangan mazhab Shafi'i dan praktikalnya di Brunei Darussalam. Buku ini juga sedikit sebanyak dapat menyumbang ilmu pengetahuan yang sangat bermanfaat kepada pembacanya dan khususnya bagi mereka di luar sana yang terjerumus dengan hutang sekeliling pinggang yang berniat untuk mengurangkan amalan hutang sehingga membawa kepada kebebasan diri daripada hutang.





# PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala pujian dan kesyukuran di rafa'kan ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di atas kurnia dan anugerahNya berjaya juga penulis menghasilkan buku ini dengan sempurna. Selawat dan Salam khas buat junjungan besar Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*, keluarga dan para sahabat Baginda serta pejuang-pejuang Islam seluruh alam.

Sejambak kasih dan sekalung penghargaan serta diiringi dengan doa kebahagiaan buat isteri tercinta Zurairatul Zakiah bte DSS Hj Rajid dan ibu kepada empat orang cahaya mata yang dikasihi Ahmad Danial, Ahmad Danish, Ahmad Darwisy dan Ahmad Dinie serta ibu tersayang Hajah Ajijah binti Ibrahim dan kedua mertua saya DSS Haji Rajid bin Haji Kadir dan Pg Datin Hajah Rushidah binti Pg Haji Hashim yang telah banyak memberi galakan, bimbingan dan kritikan yang membina sepanjang penulisan buku ini, semoga Allah *Ta'ala* sentiasa melimpahkan hidayah dan keberkatan dalam kehidupan mereka, *aaminn ya Rabb al-'Alamin*.

Di kesempatan ini, jutaan terima kasih ditujukan kepada Tuan Radin Safiee bin Radin Basiuni, Timbalan Ketua Pendaftar, Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam, Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam yang banyak meluangkan masa yang sangat berharga dalam memberi maklumat yang bermanfaat sehingga membolehkan buku ini berjaya disempurnakan dengan penuh manfaat. Semoga jasa baik yang dicurahkan oleh Beliau mendapat ganjaran yang baik jua dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Terima kasih juga ditujukan kepada pihak institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam di Brunei iaitu

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan BIBD at-Tamwil Berhad, Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Swasta, UNISSA serta masyarakat Brunei dalam memberi maklum balas kaji selidik yang bermanfaat dalam menyempurnakan penulisan buku ini.

Akhirnya, penulis memohon jutaan kemaafan andainya terdapat kesilapan dan ketidaksempurnaan dalam penulisan buku ini. Semoga buku ini dapat memberi maklumat impak positif kepada masyarakat Islam seluruhnya dalam memahami kepentingan wang dalam menjalankan transaksi kehidupan seharian mengikut hukum-hukum syara' yang sehati di dalam setiap jiwa Muslim.

## SENARAI JADUAL

NO	JADUAL	MUKA SURAT
1	Jadual 1: Peratus pinjaman di institusi-institusi kewangan	109
2	Jadual 2 Faktor utama dalam membuat perkhidmatan pinjaman	114
3	Jadual 3: Statistik muflis yang telah disabitkan oleh Mahkamah Brunei Darussalam, tahun 2000 – 2015	119

# PENDAHULUAN

Perkembangan pesat industri kewangan dan persaingan sengit dalam pembentukan ekonomi sesebuah negara memberi impak kepada institusi-institusi kewangan terutama dalam usaha menyalurkan kepelbagaian produk pinjaman untuk memenuhi keperluan masyarakat dan dana kewangan institusi itu sendiri. Justeru, penyaluran inovasi pelbagai produk dan perkhidmatan, ianya mendorong seseorang untuk mengamalkan hutang dan akhirnya menjadi satu budaya berhutang khususnya bagi masyarakat yang memerlukannya. Ketidakpekaan dalam pengamatan, pengurusan mahupun risiko amalan hutang, akan mengheret seseorang itu ke kancah beban yang akhirnya membawa kepada penyesalan. Jumlah hutang semakin bertambah, beban bayaran bulanan pun semakin berganda ditambah pula dengan faedahnya dan akan menyebabkan seseorang itu tidak mampu untuk menjelaskan bayaran bulanan pada masa yang ditetapkan, maka akan terjadilah kemuflihan yang berpunca dari gejala hutang.

Buku ini memberi penjelasan lebih terperinci mengenai isu muflis dalam kalangan masyarakat Brunei. Kendatipun isu muflis ini tidak begitu disentuh apalagi dibincangkan walhal ianya merupakan satu gejala yang amat ditakuti terutama bagi orang yang berhutang dan tidak mampu melunaskan hutang-hutangnya, bukan sahaja melibatkan diri malah keluarga, masyarakat dan ekonomi negara juga akan turut terjejas. Persoalannya, bagaimana gejala muflis ini boleh terjadi dan bagaimana cara penyelesaiannya? Kertas kerja ini bertujuan membincangkan serta menghuraikan empat perkara utama. Pertama, perbincangan definisi hutang dan muflis dalam Islam menurut pandangan mazhab Shafi'i. Kedua,

mengenalpasti pengurusan sistem perbankan Islam dan pelaksanaannya Di Negara Brunei Darussalam. Ketiga, meneliti pengurusan pembiayaan perbankan dan kewangan Islam dan Keempat, mengenalpasti faktor-faktor masyarakat berhutang di Institusi-Institusi Kewangan dan langkah penyelesaiannya. Metodologi penulisan buku ini menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis kandungan berdasarkan data sekunder sebagai kaedah utama. Hasil penulisan ini akan menjadi panduan dan bahan rujukan yang sangat bermanfaat kepada masyarakat.

# BAB 1

## Hutang Dan Muflis:

### DEFINISI DAN PANDANGAN ISLAM MENURUT MAZHAB SHAFI'I

#### Definisi Hutang

Dalam bahasa Arab disebut al-*Qard* (القرض). Al-*Qard* dari segi bahasa bermaksud potong. Menurut kamus al-Misbah al-Munir, "قرضت الشيء قرضاً" maksudnya saya memotong sesuatu. Kata nama perkataan ini pula membawa maksud suatu barangan yang diberikan kepada seseorang sebagai hutang. Perkataan ini digunakan dalam bahasa Arab kerana ia (hutang) memotong hak pemilik terhadap barangan tersebut.<sup>1</sup>

Menurut istilah para fuqaha, hutang ialah memberi hak milik sesuatu barangan kepada orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan semula gantinya tanpa sebarang tambahan.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan 'Ali-al-Syarbaji. (2000). *Fiqh Manhaji, Kitab Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi'i*, c. 4, j. 3, Damsyiq: Dar al-Qalam, 89.

<sup>2</sup> Mustofa al-Khin et al. (2004). *Fiqh Mazhab Syafie*. Terj.Ust. Solehan bin Ayub. Shah Alam: Pustaka Salam Sdn. Bhd. Lihat juga: Ala al-Din al-Kharufah. (2008). *Aqad Hutang Piutang Menurut Syariat Islam Dan Undang-Undang Sivil*. Selangor: Crescent News.

Dalam bahasa Arab, proses ini dinamakan *al-Qard* kerana proses ini menyebabkan tuan punya barangan memotong sebahagian hak miliknya untuk diberikan kepada penghutang. Ini sesuai dengan makna *al-Qard* dari segi bahasa.

Firman Allah dalam surah *al-Baqarah* 2: 282 menjadi hujah kepada keharusan berhutang dalam Islam.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ.....<sup>٣</sup>

Mafhumnya:“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu melakukan hutang piutang untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Janganlah penulis menolak untuk menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkan kepadanya...”

*Al-Baqarah* 2: 282

Islam mengharuskan pinjaman dan berhutang bagi mereka yang memerlukannya. Walau bagaimanapun, ia bukanlah cara untuk berbelanja secara bermewah-mewah dan bermegah - megah tanpa didasari keperluan dan alasan yang kukuh, malah Islam menyediakan garis panduan bagi mengelakkan diri dan keluarga daripada beban hutang. Hutang merupakan satu liabiliti atau tuntutan kewangan bagi satu tempoh pada masa hadapan.<sup>3</sup>

---

<sup>3</sup> Raziah Md Tahir dan Syarifah Md Yusof. (2014). *Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin*. International Journal of Business and Technopreneurship. Volume 4, No. 3, Oct 2014 [477-494], 478.

Adalah menjadi satu kewajiban kepada individu yang mempunyai hutang untuk membayar balik hutangnya sebagaimana yang dijanjikan. Kewajiban ini tidak terkecuali sama ada seseorang itu berhutang dengan individu ataupun dengan pihak institusi. Islam memberi penekanan serius kepada soal hutang kerana ia boleh membawa kebencian dan kehinaan kepada seseorang yang gagal melunaskan hutangnya.

## Definisi Muflis

Manakala muflis dari segi bahasa diambil dari kalimat al-*fals* yang bererti ketiadaan harta.<sup>4</sup> Kalimat al-muflis mengikut kebiasannya bererti orang yang tidak berharta. Dari segi syarak orang muflis bererti orang yang tidak dapat membayar hutang, atau orang yang mempunyai hutang sekeliling pinggang, atau orang yang menanggung hutang jauh lebih besar daripada hartanya untuk membayar.<sup>5</sup> Orang yang menepati ciri tersebut dipanggil muflis, biar sekalipun ia mempunyai harta. Ini kerana harta yang ada tidak cukup untuk menutupi hutang yang mana sama seperti seorang yang tidak berharta atau boleh ditakwilkan sebagai tidak berharta setelah hartanya habis diguna membayar hutang, atau kerana ia disekat daripada mengendalikan harta kecuali membelanjakan sedikit untuk keperluan asasi, seperti sejumlah kecil wang dan sebagainya.<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup> Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Dar al-Fikr, Jil.2, 146; Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, c.4, J. 6, Damsyik: Dar Al-Fikr, 4508; juga lihat: Al-Zuhayli, Wahbah (1999). *Fiqh Perundangan Islam*, Jil 5, (Terj) Ahmad Shahbari Salamon et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahawa dan Pustaka, 425.

<sup>5</sup> Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. 146; Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, 4508 & 4509; juga lihat: Al-Zuhayli, Wahbah. (1999). *Fiqh Perundangan Islam*, Jil 5, 425.

<sup>6</sup> *Ibid*.



Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa muflis adalah individu atau pihak yang tidak dapat melunaskan hutang apabila telah sampai tempoh (matang) walaupun dia mempunyai harta kerana tanggungan hutangnya adalah jauh lebih besar daripada harta yang dimiliki. Individu yang muflis boleh terdiri daripada lelaki atau wanita dan terdiri daripada individu atau syarikat.

Perkataan ‘muflis, menurut Kamus Dewan, perkataan muflis membawa maksud tidak sanggup (berupaya) membayar hutang, bankrap;<sup>7</sup>

Bankrap pula bermaksud tidak berupaya hendak menyelesaikan hutang, muflis; syarikat itu – akibat kerugian besar yang dialaminya,<sup>8</sup>

Selain itu, pengumuman muflis bermaksud seruan muflis, iaitu menghebahkan diri kepada orang ramai sebagai seorang yang kehabisan harta.<sup>9</sup> Manakala syarak, ia bererti hakim mengeluarkan pengumuman muflis ke atas seorang dan mengeluarkan perintah larangan mengendalikan harta, atau merampas harta orang larangan untuk dibayar kepada pemiutang.<sup>10</sup>

Berdasarkan pandangan fuqaha’ termasuk ulama mazhab Shafi’i, status muflis hendaklah dibuat oleh hakim atau mahkamah. Setelah diisytiharkan muflis, sekatan boleh dilaksanakan. Jika mahkamah mengeluarkan perintah sekatan, maka penghutang adalah dilarang melakukan apa-

---

<sup>7</sup> Noresah Bte Baharom. (2007). *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1048.

<sup>8</sup> Noresah Bte Baharom. (2007). *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, 125.

<sup>9</sup> Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. 146; Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, 4508; juga lihat: Al-Zuhayli, Wahbah. (1999). *Fiqh Perundangan Islam*, Jil 5, 425.

<sup>10</sup> *Ibid*.

apa tindakan atau urusan yang boleh menjejaskan para pemiutang. Ini termasuklah mengeluarkan derma atau membuat pertukaran harta dan membuat ikrar hutang.<sup>11</sup> Hakim atau mahkamah mempunyai kuasa untuk menjual harta milik penghutang dan hasilnya diagihkan kadar bayarannya kepada semua pemiutang. Dalam hal ini, bagi ulama Shafi'i mengenakan dua syarat sekatan:

1. Jumlah hutang melebihi daripada jumlah harta milik penghutang.
2. Para pemiutang membuat permintaan perintah sekatan ke atas penghutang.<sup>12</sup>

Hukuman sekatan ini tidak menjejaskan hak orang muflis daripada membelanjakan hartanya untuk keperluan hidup isteri, anak, keluarga dan dirinya sendiri. Ini kerana keperluan asasi adalah mendahului (lebih penting daripada) hak para pemiutang.<sup>13</sup>

Selain itu juga, para ulama mazhab juga bersepakat bahawa seorang muflis tidak dilarang menggunakan hartanya, sebesar apapun hartanya kecuali sesudah adanya larangan dari hakim. Kalau dia menggunakan seluruh hartanya sebelum adanya larangan hakim, maka tindakannya itu dianggap berlaku. Para piutang dan siapapun tidak berhak melarangnya, sepanjang hal itu tidak dimaksudkan untuk melarikan diri dari hutang atau menggelapkan hak-hak orang

---

<sup>11</sup> Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. 147; Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, 4511; juga lihat: Al-Zuhayli, Wahbah (1999). *Fiqh Perundangan Islam*, Jil 5, 427 & 428.

<sup>12</sup> Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. 147; Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, 4512; juga lihat: Al-Zuhayli, Wahbah. (1999). *Fiqh Perundangan Islam*, Jil 5, 428.

<sup>13</sup> *Ibid*.

lain yang ada pada dirinya, khususnya bila tidak ada harapan untuk bertambahnya penghasilan berdasar kenyataan yang ada.<sup>14</sup>

### **Istilah-Istilah dalam pensabitan muflis**

Dalam permasalahan muflis, terdapat juga beberapa istilah yang digunapakai dalam pensabitan muflis untuk maksud-maksud tertentu, iaitu:

#### **Pertama: Pelepasan (*al-Ibra'*)**

Pelepasan (*al-Ibra'*) dari sudut bahasa bermakna “melepaskan dan menjauhkan daripada sesuatu”. Dari sudut fiqh, ia bermaksud “penguguran hak seseorang yang ada dalam tanggungan orang lain atau dipihaknya”.<sup>15</sup> Misalnya pemiutang menggugurkan hutangnya yang ada pada tanggungan penghutang. Oleh kerana pelepasan mengandungi makna pengguguran maka ia membawa makna pemilikan iaitu pengguguran hutang daripada pemiutang kepada pemilikan penghutang.

#### **Pendapat Ulama Shafi'i**

Golongan baru ulama Shafi'i berpendapat bahawa pelepasan merupakan pemindahan milik kepada penghutang pada barang yang ada di dalam tanggungannya dan ia kedua pihak saling memaklumi jika di dalam pelepasan itu mengandungi makna pertukaran seperti di dalam kes khulu' kalau tidak

---

<sup>14</sup> Muhammad Jawad Mughniyah, *Fiqh Lima Mazhab: Ja'fari, Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hambali*. Tajuk Asal: *Al-Fiqh 'ala al-Madzhi al-Khamsah*. Penterjemah Masykur A.B ed, Cet. 5, Jakarta: Lentera, 2000, 700.

<sup>15</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, c.4, J. 6, Damsyik: Dar Al-Fikr, 4369.

cukup dengan melepas saja memaklumi. Pelepasan dengan keadaan tidak dimaklumi adalah batal.<sup>16</sup>

Sebilangan ulama Shafi'i berpendapat bahawa makna "pelepasan" yang sebenar ialah penguguran<sup>17</sup>.

Jika seseorang mengatakan: "Aku tidak ada dakwaan<sup>18</sup> dan pertikaian dengan orang itu". Atau "Aku tidak mempunyai sebarang hak untuk menuntut daripada orang itu". Atau "Aku telah selesaikan dakwaan aku terhadap orang itu". Atau "Tidak ada lagi hak yang aku boleh menuntut daripada orang itu". Atau "Aku telah mengambil semua hak aku daripada orang itu". Semua ini bermakna dia telah melepaskan orang itu (*ibra*).<sup>19</sup>

## Dalil Perundangan

Pada *ghalibnya*, hukum pelepasan adalah sunat. Al-Khatib al-Syarbini berpendapat bahawa pelepasan merupakan perkara yang diperlukan kes berbeza dengan jaminan yang mana ia merupakan tindakan ihsan, kebajikan dan tali perhubungan individu. Jaminan dibuat bagi menggugurkan hak yang ditanggung oleh penghutang kalau sekiranya tidak menghadapi apa-apa kesulitan.<sup>20</sup>

---

<sup>16</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, 4370.

<sup>17</sup> *Ibid*.

<sup>18</sup> "Dakwaan" ialah tuntutan seseorang tentang haknya daripada seseorang lain di hadapan hakim. Orang yang menuntut disebut '*mudda 'e*' dan orang yang kena menuntut disebut '*mudda 'a 'alaihi*'. Md. Akhir Haji Yaacub. (1991). *Al-Ahkam Al-'Adliyah, Undang-Undang Sivil Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 547.

<sup>19</sup> Md. Akhir Haji Yaacub. (1991). *Al-Ahkam Al-'Adliyah, Undang-Undang Sivil Islam*, 517.

<sup>20</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, 4370.

Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman:

وَإِنْ كَانَتْ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ  
لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

Ma'fhumnya: (Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya. Dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).

*Al-Baqarah 2: 280*

### Hilang Hak:

Jika seseorang melepaskan seorang lain daripada sesuatu hak, gugurlah haknya dan dia tidak boleh mendakwa hak itu lagi. Pelepasan tidak merangkumi hak lain sesudahnya. Bererti, jika seseorang melepaskan seseorang lain, hak-haknya yang ada sebelum perlepasan itu gugur. Tetapi, dia boleh mendakwa orang itu terhadap hak-hak yang muncul selepas perlepasan itu.<sup>21</sup>

Pelepasan (*ibra'*) terbahagi dua; *Ibra' al-Isqat* dan *Ibra' al-Istifa'*.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> Md. Akhir Haji Yaacub. (1991). *Al-Ahkam Al-'Adliyah, Undang-Undang Sivil Islam*, 517.

<sup>22</sup> Md. Akhir Haji Yaacub. (1991). *Op.cit*, 504.

## 1. *Ibra' al-Isqat*.

'*Ibra' al-Isqat*' seseorang melepaskan seorang yang lain dengan menggugurkan seluruh haknya yang berada pada orang itu atau dengan mengurangkan sebahagian daripada tanggungannya.

## 2. *Ibra' al-Istifa'*.

'*Ibra' al-Istifa'*' ialah pengiktirafan oleh seseorang yang dia telah menerima haknya yang ada pada tanggungan seseorang. Ia salah satu jenis ikrar.

Selain itu, terdapat juga dua jenis *Ibra'* selain yang disebutkan di atas, iaitu; *Ibra' khas* dan *Ibra' 'am*.<sup>23</sup>

### 1. *Ibra' khas*.

*Ibra' khas*: ialah melepaskan seseorang daripada sesuatu pendakwaan yang berkaitan dengan perkara tertentu. Contohnya dakwaan untuk menuntut wang yang timbul daripada sebuah rumah atau sesuatu tempat atau cara lain.<sup>24</sup>

### 2. *Ibra' 'am*.

*Ibra' 'am* ialah di mana seseorang melepaskan seseorang yang lain daripada semua pendakwaan.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> *Ibid*.

<sup>24</sup> Md. Akhir Haji Yaacob. (1991). *Op.cit*, 504.

<sup>25</sup> *Ibid*.

## Kedua: Sekatan (*al-Hajr*)

Definisi sekatan (*al-Hajr*) dari sudut bahasa bererti tegahan dan penyempitan atau penyulitan. Kalau seorang berkata (حجر عليه حجرا) ertinya ia (orang yang dimaksudkan) ditegah daripada menjalankan pengurusan.<sup>26</sup> Adakalanya (*al-Hajr*) bererti haram, yang diambil daripada firman Allah *Ta'ala*:

..... وَيَقُولُونَ حَجْرًا مَّحْجُورًا ۖ

Mafhumnya: “.....mereka berkata: "Hijraan mahjuuraa”.

*Al-Furqaan* 25: 22

Sekatan dalam istilah Syara' ialah satu sekatan yang dikenakan ke atas seseorang daripada melakukan pengurusan hartanya. Lawan kalimah sekatan ialah pelepas keizinan iaitu pelepasan daripada sekatan dan pelupusan hak sekatan.<sup>27</sup>

Ulama Shafi'i mendefinisikan sekatan sebagai satu sekatan tertentu daripada membuat urusan yang ada hubungan kewangan harta. Sekatan ini sama ada sekatan syara' seperti sekatan ke atas kanak-kanak, orang gila atau bodoh (larangan) atau sekatan yang dikeluarkan oleh mahkamah (injunksi larangan) seperti seorang pembeli atau pengguna dilarang menggunakan barang beliannya sehingga selesai membayar harga barang itu. Bagi ulama' Shafi'i, orang tidak siuman, muflis dan orang sakit tidak termasuk dalam sekatan ini selagi yang dilakukan bukan perkara harta atau wang, misalnya menceraikan isteri dan membuat

---

<sup>26</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, j. 6, 4460.

<sup>27</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, j. 6, 4461.

**pengakuan atau ikrar dalam perkara yang membawa kepada hukuman.<sup>28</sup>**

Terdapat banyak faktor yang boleh menghalang tindak tanduk hingga menyebabkan seseorang itu dikenakan sekatan. Malah sekatan ini juga berbeza-beza mengikut faktor tersebut. Di antara bentuk sekatan yang wujud ialah sekatan ke atas orang yang muflis kerana menjaga hak pemiutang.<sup>29</sup>

## **Muflis Pandangan Islam menurut Mazhab Shafi'i**

### **Pertama: Sekatan ke atas penghutang yang muflis**

Pendapat jumhur fuqaha yang terdiri daripada golongan mazhab Shafi'i bahawa penghutang yang muflis boleh dikenakan sekatan daripada membuat apa-apa urusan berhutang dengan harta, demi menjaga hak-hak pemiutang daripada binasa.<sup>30</sup> Pendapat ini diasaskan kepada sebuah Hadith riwayat Abu Sa'id al-Khudri *RadhiAllahu 'Anhu* iaitu pada masa Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* ada seseorang ditimpa musibah (kerosakkan) pada hasil tanamannya yang ia beli, sehingga ia banyak berhutang. Lalu Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* bersabda yang maksudnya: "Bersedekahlah untuknya", maka orang-orang pun bersedekah untuknya, namun belum boleh melunaskan semua hutangnya. Akhirnya Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* berkata kepada para pengagih hutang: "Ambillah

---

<sup>28</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, j.6, 4462.

<sup>29</sup> Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan 'Ali-al-Syarbaji. (2000). *Fiqh Manhaji, Kitab Fiqh Mazhab al-Imam al-Shafi'i*, 593.

<sup>30</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, j. 6, 4509 & 4510; lihat juga: Al-Zuhayli, Wahbah (1999). *Op.cit.* 426.



apa yang kalian dapati (dari hartanya), dan tidak ada lagi selain itu”.<sup>31</sup>

Bagaimanapun, terdapat perselisihan pendapat mazhab dari segi sekatan yang terperinci, ada setengahnya berpendapat perkara tersebut bergantung kepada keputusan hakim dan kepada perkara-perkara lain yang berkaitan. Jumah fuqaha yang juga terdiri daripada mazhab Shafi'i berpendapat bahawa sekatan ke atas penghutang tidak boleh dibuat kecuali ada perintah dari hakim atau terlaksana. Jika mahkamah mengeluarkan perintah sekatan, maka penghutang adalah dilarang melakukan apa-apa tindakan atau urusan yang boleh menjejaskan para pemiutang. Ini termasuklah mengeluarkan derma dan membuat pertukaran harta dan membuat ikrar hutang.<sup>32</sup> Hakim atau mahkamah mempunyai kuasa untuk menjual harta milik penghutang dan hasilnya diagihkan kadar bayarannya kepada semua pemiutang.

Dalam hal ini, ulama Shafi'i mengenakan dua syarat sekatan ke atas penghutang:

1. Jumlah hutang melebihi daripada jumlah harta milik penghutang<sup>33</sup>. Sekiranya nilai harta tersebut sama atau lebih daripada hutangnya, halangan tidak boleh dikenakan ke atasnya. Ini tanpa mengira sama ada perbelanjaan hariannya diambil daripada harta yang sama ataupun daripada pendapatan harian yang diperolehi. Ini kerana semua dalil yang membenarkan halangan dikenakan ke atas muflis hanya khusus dalam kes hutang yang lebih banyak daripada harta. Antaranya Hadith

---

<sup>31</sup> Al-Nawawi, Yahya bin Syarf Abu Zakaria. (1996). *Syarh al-Nawawi 'Ala Muslim*. Bab Istihbab al-Wad'e Min al-Dayn, No.Hadith 1556, Sahih Muslim, Dar al-Khair.

<sup>32</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, 4511.

<sup>33</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Op.cit*, 4512.

Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* yang dirawayatkan oleh Abdul Rahman bin Ka'ab daripada bapanya, Nabi *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* pernah menghalang Mu'az bin Jabal *Radhiallahu 'Anhu* menggunakan hartanya dan Baginda menjual harta milik Mu'az untuk melunaskan hutangnya.<sup>34</sup>

2. Para pemiutang membuat permintaan perintah sekatan ke atas penghutang<sup>35</sup>. Sekiranya para pemiutang tidak sependapat, permintaan orang yang menuntut tindakan itu akan diterima, dengan syarat hutang miliknya melebihi nilai keseluruhan harta. Ini kerana Nabi *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* telah mengenakan halangan ke atas Mu'az berdasarkan permintaan para pemiutang. Juga kerana halangan dikenakan untuk menjaga kepentingan pemiutang. Sekiranya mereka tidak membuat tuntutan, bermakna mereka berpendapat tidak ada kepentingan (*masalahah*) untuk berbuat demikian. Oleh itu, orang yang muflis tidak boleh dibebankan dengan tindakan tersebut<sup>36</sup>.

Mengikut pandangan sebahagian ulama Shafi'i, tujuan halangan atau sekatan ialah menyampai atau memulangkan hak-hak orang yang berhak, ia tidak terbatas pada harta yang ada pada sekatan berkuatkuasa.<sup>37</sup>

---

<sup>34</sup> Dirawayatkan oleh al-Baihaqi (6/48); dan al-Hakim (4/101) dalam tajuk: al-Ahkam. Menurut Hadith ini sahih.

<sup>35</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Op.cit*, 4512.

<sup>36</sup> Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan 'Ali-al-Syarbaji (2000). *Fiqh Manhaji, Kitab Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi'i*, 599 & 600.

<sup>37</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*. Jil.6, 4512.

Manakala hukuman sekatan tidak menjejaskan hak orang muflis daripada membelanjakan hartanya untuk keperluan hidup isteri, anak, keluarga dan dirinya sendiri. Ini kerana keperluan asasi adalah mendahului (lebih penting daripada) hak para pemiutang.<sup>38</sup>

Mengenai larangan penghutang melakukan pelayaran, ulama Shafi'i berpendapat bahawa para pemiutang tidak berhak menahan atau melarang penghutang melakukan pelayaran sebelum tempoh hutang matang, sama ada tempohnya masih jauh atau hampir kerana mereka tidak berhak menuntut hutang sebelum tempohnya matang. Lain kedudukannya kalau hutang sudah matang, yang mana mereka berhak melarang sehingga penghutang menyelesaikan hutangnya.<sup>39</sup>

### **Kedua: Kesan Sekatan ke atas penghutang yang muflis**

Kesan daripada sekatan yang dikenakan ke atas orang muflis dan segala hukum yang berkaitan dengannya ialah, ia dihalang daripada melakukan segala bentuk urusan kewangan. Ini kerana hubungannya dengan hartanya selepas dikenakan halangan hanyalah untuk memenuhi hak-hak pemiutang walaupun hak miliknya masih dikekalkan.

Di sini dapat disimpulkan beberapa hukum yang berkaitan dengan urusan orang yang muflis selepas dikenakan sekatan<sup>40</sup>:

1. Sebarang urusan kewangan seperti jual beli, gadaian, pemberian dan sewaan, yang dilakukan oleh orang muflis adalah tidak sah, sekiranya urusan tersebut

---

<sup>38</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Op.cit*, 4512.

<sup>39</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Op.cit*, 4513.

<sup>40</sup> Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan 'Ali-al-Syarbaji (2000). *Fiqh Manhaji, Kitab Fiqh Mazhab al-Imam al-Shafi'i*, 601 & 602.

melibatkan harta tunainya. Ini adalah pendapat yang sah dalam mazhab Shafi'i. Sementara pendapat yang lain (pendapat yang tidak kuat) pula mengatakan bahawa urusan tersebut digantung. Sekiranya nyata bahawa urusan tersebut adalah lebih daripada semua hutang pemiutang, ia adalah sah. Jika tidak, ia tidak sah.

2. Semua urusan kewangan oleh orang yang dikenakan halangan adalah sah sekiranya urusan tersebut dalam bentuk hutang. Contohnya, dia menjual dalam bentuk jualbeli tempahan (*Bai' Salam*) atau menjual sesuatu yang dinyatakan sifatnya dalam bentuk hutang. Ini kerana, semua urusan tersebut tidak memudaratkan para pemiutang.
3. Semua urusan yang tidak melibatkan harta tunainya adalah sah, sama ada urusan itu dijalankan dalam bentuk hutang ataupun tidak melibatkan wang sama sekali.
4. Semua bentuk pengakuan yang membabitkan sesuatu hak atau harta dan melibatkan perkata yang berlaku sebelum sekatan dikenakan adalah dibenarkan. Kesan pengakuan ini ialah semua harta tunainya yang dikenakan sekatan tertaklum kepada hak-hak yang disabitkan oleh pengakuan tersebut. Oleh itu, orang lain yang berkongsi bersama para pemiutang dalam pembahagian harta antara mereka.

Namun sekiranya pengakuan tersebut membabitkan hartanya dan melibatkan perkara yang berlaku selepas dikenakan sekatan, pengakuannya ditolak dan para pemiutang tidak perlu akur dengannya. Dengan ini pihak yang disebut dalam pengakuan tersebut tidak berhak turut

serta dalam pembahagian harta. Sebaliknya mereka perlu menunggu sehingga sekatan tersebut ditarik balik.

### **Ketiga: Beberapa perkara yang berbangkit dari sekatan ke atas penghutang yang muflis**

Kendatipun permasalahan muflis ini mempunyai pendapat yang berbeza-beza dari kalangan ulama mazhab, akan tetapi perkara yang berbangkit mengenainya pada posisi kali ini hanya tertumpu kepada pendapat ulama mazhab Shafi'i sahaja, seperti berikut<sup>41</sup>:

#### **1. Penjualan harta penghutang yang disekat dan pengagihan hasilnya sesama pemiutang**

Para fuqaha sekata mengatakan bahawa harta penghutang yang berada dalam tahanan boleh dijual disebabkan kemuflian. Hasil jualan tersebut hendaklah diagih-agihkan sesama pemiutang mengikut bahagian masing-masing. Adalah disunatkan supaya penjualan itu dilakukan secepat mungkin setelah dikeluarkan perintah tahanan supaya penghutang tidak lama dalam tahanan, mempercepatkan pelepasan tanggungan dan mempercepatkan penyampaian hak kepada pemiliknya. Pandangan ini diasaskan kepada amalan Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* ketika menahan Mu'adh dan menjual secepat mungkin serta mengagihkan hasil jualan kepada para pemiutang.<sup>42</sup>

---

<sup>41</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1999). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*. Jil.5, 437-445.

<sup>42</sup> Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 2, 150. Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*. Jil.6, 4521 & 4522 dan lihat juga: Al-Zuhayli, Wahbah. (1999). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*. Jil.5, 437.

Ketika menjual harta hakim disunatkan menjualnya di depan si muflis atau wakilnya, untuk kepastian barang dari segi jenis, kualiti dan untuk memuaskan hatinya. Dalam hal penjualan harta orang yang diisytiharkan muflis, pendapat yang paling kuat di kalangan ulama Shafi'i tidak mengharuskan penjualan tempat tinggal dan kenderaan si muflis.<sup>43</sup>

## **2. Pemiutang mengambil semula hartanya yang terdapat dalam harta orang muflis**

Jumhur fuqaha selain ulama Hanafi berkata bahawa jika seseorang diumumkan oleh hakim sebagai muflis, kemudian salah seorang daripada pemiutang mendapati barangnya (atau barangnya yang dijual oleh si muflis kepadanya), dia berhak membatalkan kontrak jualan tersebut dan mengambil kembali barangnya. Sebabnya yang pertama ialah kerana pembeli gagal membayar harga maka kontraknya tidak boleh tidak membawa kepada *fasakh* atau batal, sama seperti kes kegagalan penjual menyerahkan barang. Sebab kedua ialah dalam kontrak jual beli diharuskan membatalkan kerana kegagalan menyampaikan pertukaran seperti kes jual *salam* (tempahan) yang mana ia boleh dibatalkan sekiranya barang yang ditempah tidak disediakan mengikut jadual.<sup>44</sup> Ini diasaskan kepada Hadith Nabi *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

---

<sup>43</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*. Jil.6, 4522. Lihat juga: Al-Zuhayli, Wahbah. (1999). *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*. Jil.5, 438.

<sup>44</sup> As-Syirazi, al-syeikh al-Imam Abi Ishak Ibrahim bin 'Ali bin Yusuf al-Fairuz Abadi. (t.t). *al-Muhadzab Fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*, Jil.1, Dar al-Fiqr, 322. Juga lihat: Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 2, 157.

“Sesiapa yang menyedari barangnya di tangan seseorang yang diumumkan sebagai muflis, atau manusia yang diumumkan sebagai muflis, ia (pemilik asal) lebih berhak memiliki barang itu daripada orang (pemiutang) yang lain”.<sup>45</sup>

### **3. Adakah khiyar pemulangan dengan serta merta atau tidak.**

Dalam kalangan ulama Shafi’i dan Hanbali mempunyai dua pendapat mengenai ini. Pendapat yang paling kuat mengatakan bahawa khiyar pemulangan hendaklah dibuat dengan serta-merta, seperti halnya khiyar ‘*aib*’ demi mengelakkan apa-apa bahaya. Ini kerana menanggungkan khiyar boleh membawa bahaya kepada para pemiutang, iaitu kelewatan mendapatkan hak mereka.<sup>46</sup>

### **4. Pertambahan barang di tangan pembeli yang muflis**

Jika barang jualan bertambah/berkembang di tangan pembeli yang muflis, adakah pemilik asal berhak mengambilnya?

Dalam permasalahan ini, perlu merujuk kepada keadaan-keadaan pertambahan barang tersebut:

#### **4.1. Pertambahan tidak berpisah**

Seperti sesuatu benda bertambah gemuk dan bertambah besar, atau bertambah mahir dalam perkerjaan, atau tulisan atau al-Quran atau sebagainya. Benda atau barang semacam ini tidak dilarang untuk dipulangkan kepada pemilik asal mengikut pendapat ulama Maliki, kecuali ada orang lain

---

<sup>45</sup> Hadith sahih diriwayatkan oleh al-Jama’ah daripada Abu Hurairah, ia juga disokong oleh penyokong-penyokong Hadith daripada Samrah daripada Abu Bakar bin ‘Abdul Rahman bin al-Haris bin al-Hisham.

<sup>46</sup> Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 2, 158.

media membayar harga barang tersebut. Pendapat ini direstui oleh ulama Shafi'i.<sup>47</sup>

## 4.2. Pertambahan berpisah

Seperti buah daripada pohon dan anak lahir setelah ibunya dijual dan perkara itu berlaku di tangan pembeli, ulama mazhab Shafi'i tidak melarang pemulangan barang atau benda yang asal itu kepada pemilik asal (penjual) tidak termasuk tambahan. Barang tambahan tersebut menjadi kepunyaan pembeli. Ini kerana mengikut hukum syarak' bahawa pemilik barang hanya sabit pada barang asal maka dia berhak setakat itu sahaja.<sup>48</sup>

## 4.3. Pertambahan daripada pencelupan

Jika A membeli sehelai kain daripada B dan dicelup kepada satu warna lain, kemudian A diumumkan sebagai muflis, kalangan tiga mazhab sepakat tidak melarang pemulangan barang B. ini kerana si B berhak ke atas barangnya, cuma B dikehendaki membayar kos perbelanjaan pencelupan kepada A.

Dalam kes ini, ulama Hanbali membuat anggapan lain iaitu kalau dengan pencelupan itu harga kain tersebut bertambah mahal, ia tidak harus dipulangkan. Ini kerana kes ini sama dengan pertambahan tidak berpisah seperti kes binatang membesar atau bertambah gemuk.<sup>49</sup>

---

<sup>47</sup> Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Op.cit*, 161. Lihat juga: As-Syirazi, (t.t). *al-Muhadzab Fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*, Jil.1, 324.

<sup>48</sup> *Ibid*.

<sup>49</sup> Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Op.cit*, 164. Lihat juga: As-Syirazi, (t.t). *al-Muhadzab Fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*, Jil.1, 325.



#### 4.4. Pertambahan bangunan atau tanaman

Ulama Shafi'i dan Hanbali berkata bahawa jika penjual memilih pemulangan tanah yang sudah ada bangunan, atau pohon-pohon kepunyaan pembeli dan kemudian mereka (pemiutang dan orang muflis) bersetuju untuk membersihkan tanah tersebut daripada bangunan dan pohon-pohon, mereka berhak berbuat demikian. Ini kerana hak di tangan mereka, apabila selesai pembersihan itu, tanah tersebut hendaklah dipulangkan kepada penjual kerana ia telah mendapat hartanya.<sup>50</sup> Bagaimanapun, apa-apa kerosakkan dan kos pembersihan adalah ditanggung oleh si muflis. Tetapi kalau mereka enggan membersihkan, mereka tidak boleh dipaksa.<sup>51</sup>

#### **Keempat: Penarikan larangan daripada orang yang diisytiharkan muflis**

Mengikut peraturan syarak', kewujudan dan ketiadaan sesuatu hukum adalah bergantung pada sebab atau *'illatnya*. Lahirnya hukuman larangan adalah kerana adanya sesuatu sebab, apabila sebabnya hilang maka lenyaplah hukum iaitu larangan.<sup>52</sup>

Dalam kes muflis yang hartanya sudah diagihkan kepada para pemiutang, adakah automatik gugur hukuman larangan ke atasnya, atau memerlukan perintah hakim untuk menggugurkan?

---

<sup>50</sup> Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. (t.t). *Op.cit*, 162. Lihat juga: As-Syirazi, (t.t). *al-Muhadzab Fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*, Jil.1, 325.

<sup>51</sup> *Ibid*.

<sup>52</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami Wa Adilatuhu*, 447.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Ismail. (1996). *"The Role of Islamic Instruments in Deepening Equity Markets"*, kertas kerja International Islamic Capital Market Conference di Kuala Lumpur, 21-22 Mac 1996.
- Abdul Halim Ismail. (1992). "Sistem Kewangan Islam" (Kertas Kerja Nadwah Pembangunan Islam Kelantan di Kota Bharu, 24-26 Ogos 1992).
- 'Ab. Mumin 'Ab. Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ibn 'Ābidin, Muḥammad Amīn b. 'Umar b. 'Abd al-'Aziz. (1966). *Hāsiyah Rad al-Mukhtār 'alā al-Dūrr al-Mukhtār (Hāsiyah Ibn 'Ābidin)*, 8 Juz (Juz 1-6 oleh Ibn 'Ābidin dan Juz 7-8 oleh Afandī), c. 2, Kāherah: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, j. 4.
- Ibn 'Ābidīn. (1966). Abū 'Abd Allāh Muḥammad al-Dimasyqī al-'Uthmānī, *Raḥmah al-Ummah fī Ikhtilāf al-A'immaḥ*, Beirūt: Dār al-Kutūb 'Ilmiyyah, j. 5.
- Adil Akhyar. (2008). *Hutang Seronok Yang Membawa Bencana*, Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Ahli Jawatankuasa Istilah Perbankan. (1992). *Istilah Perbankan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Aḥmad Salām Mulham. (2005). *Bai' al-Murābahah*, Beirūt: Dār al-Saqāfah.
- Ahmad Yusuf. (1993). *'Uqūd al-Mu'āwadāt al-Mālīyyah fī Daw' Aḥkām al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al-Saqāfah li al-Nasyr wa al-Taūzi'.
- Ala al-Din al-Kharufah. (2008). *Aqad Hutang Piutang Menurut Syariat Islam Dan Undang-Undang Sivil*. Selangor: Crescent News.
- Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Daud. (2004). *"Perbankan dan Kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam: Perkembangan dan Cabaran-*

*Cabaran*”, Seminar Hari Kebangsaan, Tema: Patriotisme Teras Keteguhan Negara “20 Tahun Merdeka: Pencapaian dan Hala Tuju”, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Brunei, 12-14 Mac 2004.

- Dr Azme bin Haji Matali. (2012). *Konsep dan Amalan Pembiayaan Di Institusi-Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam*. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Al-Baghdādi, ‘Alī Ibn ‘Umar Abū al-Ḥasan. (2004). *Sunan al-Dār Qutnī*, “Bab al-Qirād”, j. 4, Beirūt, Lubnan: Dār al-Risālah.
- Al-Banna, Muhammad Ali Muhammad Ahmad. (2006). *Al-Qard Masrafi*, Dar al-Kutub ‘Alamiyyah.
- Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) 1993, *al-Muḍārabah Deposit*, kertas kerja Seminar On Islamic Banking Practice SPTF Series, Kuala Lumpur: Holiday Inn Centre, Ogos, 1994, 1; BIMB, *Bank Islam Penubuhan dan Operasi*, Kuala Lumpur: Commercial Banks, Kuala Lumpur: BNM.
- Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, “*Politik, Pentadbiran dan Wawasan: Perlaksanaan dan Hala Tuju*”, Kertas Kerja Seminar hari Kebangsaan 2004.
- Al-Buhutī. (1982). Maṣṣūr b. Yūsuf b. Idrīs, *al-Kasysyaf al-Qinā’ ‘an-Matn al-Iqnā’*, 6 Juz, Beirūt: Dār al-Fikr, j. 3.
- Al-Dusūqī, Syams al-Dīn al-Syaikh Muḥammad (t.t). *Hāsyiyah al-Dusūqī ‘alā al-Syarḥ al-Kabīr*, 4 Juz, Kaherah: Maṭba‘ah ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Syurakāh, j. 3.
- Afzal-Ur-Rahmān. (1991). *Doktrin Ekonomi Islam*, Penterjemah Muṣṭafā Kassim, j. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm (t.t). *Saḥīḥ Bukhārī*, j. 7.
- Al-Būthi, Muḥammad Taūfiq Ramadān. (1998). *al-Buyu‘ al-Syāe‘ah*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Fayyād, ‘Abd al-Mun‘im al-Ḥasanayn. (1996). *Bay‘ al-Murābahah Fi al-Maṣarif al-Islāmiyyah*, Kaherah: Al-Ma’had al-‘Ali Li al-fikr al-Islāmī.
- Al-Ghamrāwī, Muhammad al-Zahri (1352H/1933M). *al-Sirāj al-Wahhaj ‘Ala al-Minhaj Li Syarf al-Din Yahya al-Nawawi*, Miṣr : Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Ibn Ḥajar, Aḥmad bin ‘Ali al-Faḍhl al-Asqalānī (1384H). *Talkhiṣ al-Habīr*, j. 3, Al-Madinah al-Munawwarah, t.p.
- Al-Ḥakīm, Muḥammad bin ‘Abd Allāh Abū ‘Abd Allāh. (1990). *Al-Mustadrāk ‘ala al-Saḥīḥain*, j. 2, Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Kitab al-Buyu‘.
- Ḥasan Kāmil al-Maltāwī (1973M/1393H), *Fiqh al-Mu‘āmalat ‘Ala Madhab al-Imām Mālik*, Mesir: Al-Majlis al-‘Ulyā li al-Syu‘un al-Islāmiyyah.
- Ibn al-Ḥumām, Kamal al-Din Muhammad bin ‘Abd al-Wahid al-Siwasi al-Ma’ruf (1316H). *Sharḥ Faṭḥ al-Qādir*, j. 7, Beirut : Dār Sādir.
- Himpunan Titah-Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkih Mui’zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sempena Mesyuarat Majlis Agama Islam, 25 September 1990.
- Horby A.S (1970). *The Progressive English Dictionary*, London: Oxford University Press.
- Hydzulkifli bin Haji Hashim. (2004). *Pembiayaan Perdagangan Islam dalam Sistem Perbankan: Kajian Perbandingan antara Bank Muamalat Malaysia dan Bank Islam Malaysia Berhad*, Tesis Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- IBFIM@BIRT. (2001). "Equity and Debt Financing", kertas keja Seminar Islamic Banking and Finance Lecture Series, Sheraton Subang Hotel an Towers, Subang Kuala Lumpur, 19-20 September 2001.
- Jacobson, R.A. (1973). 'A Bank Examiner's Loan Review', The Journal of Commercial Bank Lending, May; juga rujuk: Rosli Mahmud (1998), *Perbankan dan Pemberian Pinjaman*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Al-Jazīri, 'Abd al-Rahmān. (1986). *Kitāb Fiqh 'alā al-Madhāhib al-'Arba'ah*, j. 3, c. 7, Beirūt, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah al-Islāmiyyah.
- Al-Kāsānī, 'Alā' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd. (1998). *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Syarā'i'*, j. 5, Beirūt: Dār al-Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Khātib, Al-Syarbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad. (1972). *Mughnī al-Muḥtāj*, Misr : Dār al-Wafā', j. 3.
- Latarbelakang Penubuhan Bank Islam Brunei Darussalam, Bahagian Syariah*, Bank Islam Brunei Darussalam.
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd Abū 'Abd Allāh. (1988). *Sunan Ibn Mājah*, j. 2, Beirūt: Maktab al-Islāmī.
- Mālik Ibn Nabī. (1972). *Al-Muslim fī 'Ālam al-Iqtisād*, Beirūt, Lubnan: Dār al-Shurūq.
- Ibn Manzūr, Imām Al-'Alāmah. (2003). *Lisān al-'Arab*, j. 4, Kāherah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan 'Alī ibn Muḥammad ibn Ḥabīb. (1989). *al-Muḍārabah min Turāsina al-Islāmī fī 'Ilmi al-Iktisād*, Taḥqīq 'Abd al-Wahab Hawāsy, c.1, Dār al-Wafā.
- Al-Mawsū'ah Al-'Ilmiyyah wa Al-'Amaliyyah lil-Bunūk Al-Islāmiyyah*. (1982). j. 1, juz syar'i, Kāherah: Al-Ittiḥād Al-Dāwli lil-Bunūk Al-Islāmiyyah.
- Muhammad Jawad Mughniyah, *Fiqh Lima Mazhab: Ja'fari, Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hambali*. Tajuk Asal: Al-

- Fiqh 'ala al-Madzhi al-Khamsah*. Penterjemah Masykur A.B ed, Cet. 5, Jakarta: Lentera, 2000.
- Md. Akhir Haji Yaacob. (1991). *Al-Ahkam Al-'Adliyah, Undang-Undang Sivil Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- M.Shahid Ebrahim & Tan Kai Joo. (1999). *Islamic Banking in Brunei Darussalam*, Educational Technology Centre, University Brunei Darussalam.
- Mohd. Azmi Omar. (1991). *Pengurusan Perniagaan Islam*, penyunting Sheikh Ghazali Sheikh Abod dan Zambry Abdul Kadir, Shah Alam: Hizbi.
- Muhammad al-Bāshir Muhammad al-Amīne. (2001). *Istīṣnā' (Manufacturing Contact) in Islamic Banking and Finance*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Muhammad Hāshim 'Awwād. (1985). *Dalīl al-'Amal fī al-Bunūk al-Islāmiyyah*, Khartoum, Sūdān: Bank al-Tanmiyyah al-Ta'āwunī al-Islāmī.
- Muhammad Kamāl Azhāri. (1993). *Bank Islam Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Muhammad Syāfi'ī Antonio. (1999). *Bank Syariah Wacana 'Ulamak & Cendekiawan*, c. 1, Jakarta, Indonesia, Takzia Institute.
- Muslim, Nisābūrī, Abū al-Ḥusayn bin Ḥajjāj bin Muslim al-Qusyayrī al-Nisāburī. (1991). *Saḥīḥ Muslim*, j. 3, c. 4, Beirut: Dār Ahyā al-Turāth al-'Arabī.
- Mustapha Hamat. (2002). "Pembangunan Produk Kewangan Islam mengikut Perspektif Syariah", kertas kerja Seminar Kewangan Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 18 Jun 2002.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan 'Ali-al-Syarbaji. (2000). *Fiqh Manhaji, Kitab Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi'i*, c. 4, j. 3, Damsyiq: Dar al-Qalam.

- Mustafa al-Khin et al. (2004). *Fiqh Mazhab Syafie*. Terj. Ust. Solehan bin Ayub. Shah Alam: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Muṣṭafā Al-Khīn, Muṣṭafā Al-Bughā dan 'Ali-al-Syarbājī. (2007). *Fiqh Manhajī, Kitāb Fiqh Mazhab al-Imām al-Syāfi'ī*, c. 8, j. 3, Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Mustafa Omar (2001). "Equity Financing", kertas kerja Islamic Banking and Finance Lecture Series, Sheraton Subang Hotel an Towers, Subang Kuala Lumpur, 9-20 September 2001.
- Nabil A. Şaleh. (1986). *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law: Riba, Gharar and Islamic Banking*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf Abu Zakaria. (1996). *Syarh al-Nawawi 'Ala Muslim*, Dar al-Khair.
- Noresah Bte Baharom. (2007). *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Opening of Legal Year 2015*, Government Printing Department: Prime Minister Office, (23 April 2015).
- Osman Sabran. (1997). *Pinjaman dan Pembiayaan tanpa Ribā: Kajian terhadap Sistem Mu'āmalat Islām di Malaysia Masa Kini*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, FSSS, UM.
- Osman Sabran. (2001). *Urus Niaga al-Qard al-Hasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Perintah di bawah Perkara 83 (3)), Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006.
- Pertubuhan Bank Islam Antarabangsa* (1420H/1982M). j. 5.
- Ibn Qudāmah (1972). Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah bin Ḥanbal al-Shaibānī, *al-Mughnī*, Miṣr: Dār al-Wafā' bi al-Mansūrah.

- Al-Qurān Al-Karīm dan terjemahan dalam Bahasa Indonesia* (1418H), Madīnah al-Mūnawwarah: Terjemah Majma' al-Malk Fahad.
- Al-Qurṭubī, Imām Abū al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad Rusḥd. (2000). *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 2, Beirūt, Lubnan: Dār al-Ma'rifah.
- Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Negara Brunei Darussalam Kelapan*. (2001-2005).
- Raziah Md Tahir dan Syarifah Md Yusof. (2014). *Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin*. International Journal of Business and Technopreneurship Volume 4, No. 3, Oct 2014.
- Ibn Rusyd (al-Jād). Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad (t.t), *Muqaddimat*, Baghdād: Maktabah al-Muthannā.
- Al-Shāfi'ī, Abu 'Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs (t.t). *al-Umm*, Misr : Kitāb al-Syu'b, j. 7, h. 98; al-Khātib, *Mughnī al-Muhtāj*, j. 2.
- Al-Sheikh Sulaymān al-Bujāirimī. (1951). *Bujāirimī 'ala al-Khātib*, j. 3, Kāherah, Miṣr: Muṣṭafā al-Ḥalabī.
- Sistem Kewangan Dalam Islam*. (1998). Bank Islam Brunei Darussalam, c. 3, Brunei Darussalam: Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang.
- Soal Jawab Perbankan Islam*. (2001). Bank Islam Brunei Berhad: Jabatan Percetakan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.
- Al-Syarbīnī. (1994). Syams al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad al-Khātib, *al-Iqnā' fī Ḥall Alfāz Abī Syujā'*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syarbīnī, Syeikh Muhammad. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Dar al-Fikr, Jil.2.
- Sudin Harun. (1996). *Prinsip dan Operasi perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Sudin Haron. (2007). *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd.



- Sulaymān Ibn al-Ash‘ab Abū Dāwūd al-Sijastānī al-Azdā (t.t). *Sunan Abī Dāwūd*, “Kitāb al-Bay’ wa al-Ijārāt, Bāb al-Shirkah”, Beirūt, Lubnan: Dār al-Fikr, j. 9.
- Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j.6, Hyderabad: Matba‘ah Majlis Dā‘irah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah.
- Syams al-Dīn Muḥammad bin Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Hamzah al-Ramlī. (1967). *Nihāyah al-Muhtāj Ilā syarḥ Minhāj*, j. 5, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī.
- al-Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad. (1973). *Nayl al-Autār*, Beirūt: Dār al-Jalīl, j. 5.
- Syawqī Aḥmad Dunyā (1991). *Al-Ju‘ālah wa al-Istiṣna’ Tahliil Fiqhī wa Iqtisādī*, Jeddah: IRTI-IDB.
- Syed Othman al-Habshi. (1992). *Islam dan Kewangan*, kertas kerja yang dibentang dalam Pengurusan Latihan Pendakwah Negara di Genting Highland, 27 Disember 1992.
- As-Syirazi, al-syeikh al-Imam Abi Ishak Ibrahim bin ‘Ali bin Yusuf al-Fairuz Abadi. (t.t). *al-Muhadhzaḥ Fi Fiqh al-Imam al-Shafi’i*, Jil.1, Dar al-Fiqr.
- Al-Tabrānī, Sulaimān bin Aḥmad bin Ayyub (1404H). *Al-Mu‘jam al-Kabīr*, j. 6, Al-Musul: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikām.
- Al-Imām al-‘Allāmah Taqī al-Dīn Ibn Taīmīyyah (t.t). *Al-Fatāwā al-Kubrā*, j. 5, Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatūh*, j. 5, Damsyik: Dār al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1999). *Fiqh Perundangan Islam*, Jil 5, (Terj) Ahmad Shahbari Salamon et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahawa dan Pustaka.
- Dyg Hanifah Jenan, (Pengarah, Bahagian Syariah, Bank Islam Brunei Darussalam) dan Dyg Hajah Nurul Akmalina binti Haji Yahya, (Penolong Pengarah, Bahagian Syariah, Bank Islam Brunei Darussalam), temu bual pada 30 Julai 2013.

- Dyg Hj Nasibah binti Hj Matassan, (Pegawai Eksekutif Syariah, Unit Syariah), temu bual pada 27 Ogos 2013.
- Radin Safiee bin Radin Basiuni. (Timbalan Ketua Pendaftar, Mahkamah Besar), Negara Brunei Darussalam, Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada 1 & 8 Mei 2013 dan kali kedua pada 27 Julai 2016.
- Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Bil. S 28, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Perintah di bawah bab 83(3)), Perintah Darurat, (Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei), 1991.
- Artikel 1060 Majallah al-Ahkām al-‘Adaliyyah, c. 5, (T.P: 1968).
- Artikel: “Pindaan akta Kebangkrapan (Penggagal 67) diperkenan”, keluaran 14 Disember 2012.
- Berita Harian, “Produk Kewangan Islam Lebih Untung”, Julai 30, 2007.
- Pamphlet Produk-Produk Pembiayaan, BIBD At-Tamwil Berhad.*
- Pelita Brunei.* “BIBD ditubuhkan”, Februari 8, 2006:1.
- <http://www.ambd.gov.bn/>, 2 Disember 2013.
- [www.rtb.gov.bn/NewsUpdate/2005/January/250105/main2.htm](http://www.rtb.gov.bn/NewsUpdate/2005/January/250105/main2.htm), 25 April 2016.